

**EKONOMI TINGKATAN 4  
MODUL AMANJAYA SPM 2018  
KERTAS 2 ( SKEMA )**

**TAJUK** : 3.0 WANG, BANK, DAN PENDAPATAN INDIVIDU  
**Standard Kandungan** : 3.1 Wang dan Bank  
 3.2 Pendapatan Individu  
 3.3 Penggunaan Pendapatan Individu

**Bahagian A : Soalan Struktur**

Wang, Bank dan Pendapatan individu

1. a) Gambar di bawah menunjukkan sebuah iklan kereta tempatan



**Axia : On The Road Price and monthly installment**

|                          | MODEL | COLOUR   | PRICE     | LOAN   | DEPOSIT<br>10% | 7 YEARS<br>3.10% | 9 YEARS<br>3.30% |
|--------------------------|-------|----------|-----------|--------|----------------|------------------|------------------|
| Axia 1.0 STD E<br>Manual | G1EX  | SOLID    | 26,546.00 | 23,800 | 2,746.00       | 345              | 286              |
|                          |       | METALLIC | 26,946.00 | 24,200 | 2,746.00       | 351              | 290              |
| Axia 1.0 STD G<br>Manual | G1GX  | SOLID    | 31,746.00 | 28,400 | 3,346.00       | 411              | 340              |
|                          |       | METALLIC | 32,146.00 | 28,800 | 3,346.00       | 417              | 345              |
| Axia 1.0 STD G<br>Auto   | G1GZ  | SOLID    | 34,746.00 | 31,100 | 3,646.00       | 451              | 372              |
|                          |       | METALLIC | 35,146.00 | 31,500 | 3,646.00       | 456              | 377              |
| Axia 1.0 SE<br>Manual    | G1SX  | SOLID    | 38,746.00 | 34,800 | 3,946.00       | 504              | 416              |
|                          |       | METALLIC | 39,146.00 | 35,100 | 4,046.00       | 509              | 420              |
| Axia 1.0 SE<br>Auto      | G1SZ  | SOLID    | 41,746.00 | 37,500 | 4,246.00       | 543              | 449              |
|                          |       | METALLIC | 42,146.00 | 37,800 | 4,346.00       | 548              | 452              |
| Axia 1.0 Adv.<br>Auto    | G1VZ  | SOLID    | 44,076.00 | 39,600 | 4,476.00       | 574              | 474              |
|                          |       | METALLIC | 44,476.00 | 39,900 | 4,576.00       | 578              | 478              |

**Colours Available**

**Solid :**

**Ivory White**

**Metallic:**

**Glittering Silver (S28)**

**Ebony Black (209)**

**Midnight Blue (B71)**

**Cherry Blossom\***

**Lemongrass Green\***

**Lava Red\***

**Sunflower Yellow\***

**HARGA ANTARA RM24 000 HINGGA RM45 000 SECARA TUNAI**

**SECARA KREDIT, BULANAN ANTARA RM300 HINGGA RM600 SEBULAN.**

i. Terangkan fungsi wang bagi iklan di atas? **[4 markah]**

- **F1** : Alat Ukuran Nilai
- **H1** : Wang membolehkan nilai sesuatu barang dan perkhidmatan di ukur dalam sebutan harga
- **C** : Sebutan harga antara RM24 000 hingga RM45 000
- **F2** : Alat bayaran tertunda
- **H2** : Wang membolehkan individu membeli barang secara bayaran ansuran
- **C** : Bayaran ansuran bulanan RM300 setiap bulan/antara RM300 hingga RM600

ii. Adakah barang di atas merupakan barang kehendak? Beri alasan. **[5 markah]**

- Ya ia merupakan barang kehendak
- **H1** : Ia merupakan perkara yang tidak semestinya dipenuhi
- **H2** : Untuk hidup yang lebih selesa
- **H3** : Bilangannya tidak terhad
- **H4** : Sukar untuk dipenuhi
- **H5** : Harga barang kehendak tidak dikawal oleh kerajaan
- **H6** : Tidak perlu dipenuhi oleh semua orang
- **H7** : Dipengaruhi oleh saiz pendapatan seseorang

b) Nyatakan empat fungsi bank pusat sebagai jurubank kepada kerajaan? [4 markah]

- F1 : Mentadbir akaun negara
- F2 : Memberi pendahuluan sementara apabila kerajaan mengalami masalah kekurangan kewangan.
- F3 : Mengurus Hutang Negara
- F4 : Memberi Nasihat Pelaburan
- F5 : Mengurus/mengawal pertukaran asing/kestabilan nilai mata wang negara.

c) Nyatakan empat jenis kemudahan pinjaman yang disediakan oleh bank rakyat? [4 m]

- F1 : Overdraf
- F2 : Pinjaman peribadi
- F3 : Pinjaman bercagar
- F4 : Pinjaman kenderaan ( Kemudahan sewa beli)
- F5 : Pinjaman kad kredit

d) Jelaskan tujuan belanjawan peribadi disediakan oleh seseorang individu? [3 markah].

- H1 : Mengelakkan kenaikan harga barang/inflas
- H2 : Membolehkan individu mendahulukan perkara penting
- H3 : Membantu individu menabung
- H4 : Membantu menyelaraskan perbelanjaan mengikut pendapatan
- H5 : Mengelakkan individu berhutang

2. a) Pernyataan di bawah berkaitan dengan dua jenis kad yang ditawarkan oleh bank perdagangan.

**“Penggunaan kad debit adalah lebih baik daripada kad kredit”**

Adakah anda bersetuju dengan pernyataan di atas? Beri empat alasan. [5 markah]

- Bersetuju
- H1 : Individu menggunakan wang simpanan sendiri
- H2 : Tidak perlu berhutang
- H3 : Menggalakkan tabiat berbelanja secara berkhemah/elak pembaziran
- H4 : Tidak dikenakan faedah
- M : Mana-mana jawapan lain yang munasabah/sesuai

b) Maklumat di bawah berkaitan dengan khidmat bayaran elektronik.

Khidmat bayaran elektronik semakin popular di Malaysia. Bayaran boleh digunakan di lebuhraya, pusat membeli belah, bayaran utiliti, dan belian atas talian. Terdapat tiga kaedah utama yang digunakan di Malaysia iaitu kad kredit, kad debit dan Touch 'n Go.

Jelaskan lima kebaikan penggunaan khidmat bayaran elektronik terhadap pengguna?

[5 markah]

- H1 : Jimat masa kerana dapat membuat bayaran segera
- H2 : Boleh digunakan untuk membeli barangan di dalam atau luar negara
- H3 : Kurang risiko kerana sistem keselamatan yang ketat
- H4 : Kurang menggunakan wang tunai
- H5 : Lebih mudah kerana tidak perlu mengisi sebarang borang
- M : Mana-mana jawapan lain yang munasabah/sesuai

c) Jadual di bawah berkaitan dengan pendapatan dan perbelanjaan Puan Fazura pada bulan Januari 2018.

| Butiran                      | RM    |
|------------------------------|-------|
| Gaji                         | 6 000 |
| Potongan Koperasi            | 400   |
| Insurans Nyawa               | 400   |
| Caruman KWSP                 | 660   |
| Potongan Lembaga Tabung Haji | 500   |
| Caruman PERKESO              | 30    |
| Dividen ASB                  | 300   |
| Cukai Pendapatan Individu    | 140   |

Hitungkan pendapatan boleh guna Puan Fazura pada bulan tersebut?

[5 markah]

| Butiran                      | RM    | RM           |
|------------------------------|-------|--------------|
| Gaji                         | 6 000 |              |
| Dividen ASB                  | 300   |              |
| Pendapatan Bulanan           |       | 6 300        |
| Tolak Potongan Wajib :       |       |              |
| KWSP                         | 660   |              |
| Cukai Pendapatan             | 140   |              |
| Caruman Perkeso              | 30    |              |
| Jumlah Potongan Wajib        |       | 830          |
| <b>Pendapatan Boleh Guna</b> |       | <b>5 470</b> |

d) Maklumat di bawah berkaitan dengan perubahan pendapatan isi rumah di Malaysia.

Pendapatan kasar bulanan isi rumah Malaysia pada tahun 1970 ialah RM264. Jumlah ini meningkat kepada RM1 170 pada tahun 1990 dan pada tahun 2014 pula meningkat kepada RM6 141. Perubahan ketara ini disebabkan oleh perubahan struktur ekonomi daripada sektor utama kepada sektor kedua dan ketiga.

i. Jelaskan sebab berlakunya perubahan struktur ekonomi di Malaysia. [4 markah]

- **H1** : Sumber asli seperti bijih timah semakin pupus
- **H2** : Harga komoditi seperti getah tidak stabil
- **H3** : Peluang terhad di sektor utama
- **H4** : Kerajaan melaksanakan dasar mempelbagaikan ekonomi.

ii. Nyatakan empat kesan peningkatan pendapatan isi rumah seperti maklumat di atas terhadap ekonomi Malaysia. [4 markah]

- **H1** : Kuasa beli masyarakat meningkat/lebih tinggi
- **H2** : Permintaan domestik/barang dan perkhidmatan meningkat
- **H3** : Pengeluaran barang dan perkhidmatan meningkat
- **H4** : Peluang pekerjaan meningkat
- **H5** : Taraf hidup masyarakat meningkat
- **H6** : Hasil kerajaan meningkat

e) Pernyataan di bawah berkaitan dengan pelaburan Puan Neelofa.

Puan Neelofa telah membeli sekeping emas beratnya ialah 100 gram yang bernilai RM17 000

Mengapakah pembelian emas oleh Puan Neelofa dianggap sebagai pelaburan?

Berikan alasan anda.

[5 markah]

- **H1** : Kerana nilai emas mungkin akan meningkat pada masa depan
- **H2** : Boleh ditukar kepada tunai
- **H3** : Tidak terdedah kepada inflasi
- **H4** : Mempunyai permintaan yang tinggi
- **H5** : Mendapat keuntungan pada masa depan apabila nilai emas meningkat
- **M** : Mana – mana jawapan yang munasabah/sesuai.

3. a) Berikut merupakan satu iklan yang berkaitan jualan set perabot

|                                                                                    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
|------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|  | <p style="text-align: center;"><b>SET PERABOT</b></p> <p style="text-align: center;"><b><u>KAEDAH BAYARAN</u></b></p> <p style="text-align: center;"><b>TUNAI: RM2 000</b></p> <p style="text-align: center;"><b>ATAU</b></p> <p style="text-align: center;"><b>ANSURAN: RM220 SEBULAN SELAMA</b></p> <p style="text-align: center;"><b>SETAHUN</b></p> |
|------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

Jika anda ingin membeli set perabot dalam iklan di atas, kaedah bayaran yang manakah akan anda pilih? Berikan alasan anda.

[6 markah]

- **Tunai**
- **H1** : Kerana bayaran secara tunai lebih murah/ jumlah bayaran ansuran lebih mahal
- **H1a** : lebih murah iaitu sebanyak RM2 000/ lebih mahal iaitu RM2 640
- **H2** : Dapat menjimatkan wang daripada membayar faedah
- **H2a** : iaitu sebanyak RM 640 ( 2 640 – 2 000)
- **H3** : Tidak perlu berhutang
- **H4** : Barang adalah dimiliki sepenuhnya
- **M** : Mana – mana jawapan yang munasabah/sesuai

b) Maklumat yang berikut berkaitan masalah pembayaran bil.

Puan Munirah menguruskan sendiri semua urusan pentadbiran di perniagaan inap desa (homestay). Hal ini menyebabkan beliau kesuntukan masa untuk menjelaskan bil air, elektrik, astro dan sewa bangunan tepat pada masa yang ditetapkan.

Terangkan tiga kemudahan pembayaran yang disediakan oleh bank perdagangan untuk menyelesaikan masalah pembayaran bil Puan Munirah.

[6 markah]

- **F1** : Debit Langsung
- **H1** : Pendeposit mengarahkan pihak bank membuat bayaran pada jumlah yang tidak tetap dan tarikh tidak tetap
- **F2** : Perintah sedia ada
- **H2** : Pendeposit mengarahkan pihak bank membuat bayaran pada jumlah tetap dan tarikh tidak tetap
- **F3** : Pindahan kredit
- **H3** : mengarahkan pihak bank memindah sejumlah wang kepada akaun orang lain.
- **F4** : Kad juruwang elektronik ( Kad ATM)
- **H4** : Pelanggan bank boleh membuat urus niaga kwanan secara layan diri di mesin ATM seperti membuat bayaran sewa

## Bahagian B

1. a. Maklumat yang berikut berkaitan dengan iklan A dan iklan B.

| Iklan A                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     | Iklan B                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p><b>Jawatan :</b> Pegawai Pemasaran<br/> <b>Kelayakan :</b> Sarjana Muda Ekonomi<br/> <b>Gaji :</b> RM3 000<br/> <b>Kemudahan :</b> Rawatan perubatan percuma, faedah pinjaman perumahan 3%, elaun lebih masa.<br/> <b>Keutamaan :</b> Pengalaman tidak diperlukan, memiliki kereta sendiri, sanggup bekerja lebih masa.<br/> <b>Semua permohonan hendaklah dialamatkan kepada:</b><br/> <i>Bahagian Sumber manusia,<br/> Syarikat Gemilang Terbilang Sdn. Bhd,<br/> 151 Jalan Kuala Kangsar, Taman Meru,<br/> 66300 Ipoh, Perak.</i></p> | <p><b>Jawatan :</b> Pegawai Kewangan Bank<br/> <b>Kelayakan :</b> Sarjana Muda Kewangan<br/> <b>Gaji :</b> RM3 600<br/> <b>Kemudahan :</b> Rawatan perubatan percuma, faedah pinjaman perumahan 2.5% dan Gimnasium percuma bagi staf.<br/> <b>Keutamaan :</b> Pengalaman 1 tahun diperlukan dalam bidang berkaitan, memiliki kereta sendiri, sanggup dihantar ke luar bandar.<br/> <b>Semua permohonan hendaklah dialamatkan kepada:</b><br/> <i>Bahagian Personal dan Pentadbiran<br/> Bank Warisan Bhd,<br/> Lot 51, Jalan Hang Tuah,<br/> 47300 Subang Jaya, Selangor.</i></p> |

Setelah meneliti iklan tersebut, Encik Anafiah yang tinggal di Ipoh membuat keputusan untuk memohon bekerja di Syarikat Gemilang Terbilang Sdn. Bhd.

**Bincangkan** tindakan yang diambil oleh Encik Anafiah?

**[12 Markah]**

**Aras 1 (1 – 3 markah) : [ Memberi maksud bekerja/pekerjaan tujuannya ,jawapan terbuka]**

**H1** - Bekerja/pekerjaan merupakan sesuatu yang dilakukan secara fizikal atau mental dalam proses pengeluaran.

**H2** - Pekerjaan juga merupakan suatu hubungan yang melibatkan dua pihak antara pengusaha dan pekerjanya.

**H3** - Individu bekerja bertujuan mendapatkan pendapatan wang atau keuntungan

**H4** - untuk digunakan membeli barang dan perkhidmatan yang diperlukan.

**Aras 2 (4 – 6 markah) : [Aras 1 + 3 faktor pemilihan pekerjaan untuk markah penuh]**

**H5** - Mempunyai kelayakan akademik dan bersesuaian dengan jawatan tersebut

**H6** – Terdapat faedah sampingan seperti elaun lebih masa dan rawatan percuma

**H7** – Lokasi tempat kerja yang lebih dekat

**H8** – Tidak memerlukan pengalaman.

**Aras 3 (7 – 9 markah) : [ Aras 1 + Aras 2 + 3 kesan positif secara langsung dari faktor pemilihan pekerjaan pada aras 2]**

**H9** – H5 + ini dapat meningkatkan keyakinan untuk memajukan diri dalam bidang kerjaya yang dipilihnya.

**H10** – H6 + Elaun lebih masa dapat meningkatkan pendapatan En. Anafiah/ meningkatkan kuasa beli/ meningkatkan taraf hidup.

**H11** – H7 + dapat menjimatkan masa dan kos pengangkutan/ berdekatan dengan keluarga/ keselamatan lebih terjamin apabila bersama keluarga

**H12** – H8 + keberangskalian untuk mendapatkan pekerjaan yang dipohon lebih cerah.

**Aras 4 ( 10 – 12 markah ) : [Aras 1 + Aras 2 + Aras 3 + 3 kesan negatif secara umum]**

**H13** – Gaji/upah yang lebih rendah

**H14** – Faedah pinjaman perumahan yang lebih tinggi

**H15** – Saiz Firma yang lebih kecil

**H16** – Tiada tempat beriadah seperti Gimnasium

**H17** – Mana – mana jawapan yang munasabah/sesuai

b. Maklumat di bawah berkaitan dasar kerajaan.

Kerajaan mengumumkan penurunan kadar cukai pendapatan individu antara satu hingga dua peratus bagi semua kumpulan pendapatan. Kadar cukai pendapatan individu yang tertinggi ialah 29% diturunkan menjadi 28%.

Bincangkan kesan penurunan kadar cukai tersebut?

**[8 markah]**

**Aras 1 (1 markah) : [Definisi/pengenalan cukai pendapatan individu dan penurunan kadar cukai]**

**H1** – Cukai pendapatan individu merupakan salah satu komponen potongan wajib

**H2** – Penurunan kadar cukai pendapatan individu bermakna jumlah cukai yang dikenakan terhadap individu berkurang. Sebagai contoh jumlah cukai individu menurun daripada RM 500 kepada RM300.

**Aras 2 ( 2 – 5 markah ) : [ Aras 1 + 3 kesan positif kepada individu]**

**H3** – Penurunan jumlah cukai akan meningkatkan pendapatan boleh guna seseorang individu

**H4** – Ia menyebabkan kuasa beli individu bertambah dan meningkatkan jumlah permintaan kualiti barangan atau perkhidmatan terutama barang kehendak.

**H5** - Keluk permintaan akan beralih ke kanan

**[ lukis/lakar keluk perubahan permintaan] – wajib 2 markah**

**H6** – Secara tidak langsung akan meningkatkan taraf hidup masyarakat.

**Aras 3 ( 6 – 8 markah ) : [ Aras 1 + Aras 2 + 3 kesan positif/negatif kepada pihak lain seperti firma/kerajaan]**

**H7** – Firma akan menghadapi kekurangan stok/inventori kerana berlaku lebih permintaan

**H8** – Seterusnya firma akan meningkatkan jumlah output, keuntungan firma akan bertambah.

**H9** – Firma akan menambahkan pelaburan baharu seperti pembinaan kilang, ia akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

**H10** – Mengurangkan hasil kerajaan,

**H11** – Mungkin menyebabkan risiko belanjawan kurang berlaku/ perbelanjaan melebihi hasil kerajaan.

**H12** – Mana – mana jawapan yang munasabah/sesuai

2. Maklumat di bawah berkaitan dengan pendapatan dan perbelanjaan bulanan Encik Fatah Amin.

|                     |         |
|---------------------|---------|
| <b>Pendapatan</b>   | RM3 000 |
| <b>Perbelanjaan</b> | RM3 700 |

Keadaan tersebut merupakan trend generasi Y sekarang.

- a. Huraikan kesan trend tersebut?

[8 markah]

**Aras 1 (1 – 2 markah) : [Pengenalan/punca kepada trend generasi Y]**

**H1** – Perbelanjaan En. Fatah Amin melebihi pendapatannya

**H2** – sebanyak RM700 sebulan

**H3** – Keadaan ini menunjukkan En. Fatah Amin berbelanja berlebihan terhadap barang dan perkhidmatan.

**H4** – Perbelanjaannya tidak dirancang terlebih dahulu

**H5** – Barang yang tidak penting atau mustahak didahulukan.

**Aras 2 (3 – 5 markah) : [Aras 1 + 4 Kesan secara langsung]**

**H6** – Apabila perbelanjaan melebihi pendapatan En. Fatah Amin terpaksa membuat pinjaman.

**H6 a** – Memohon pinjaman daripada bank/ saudara mara/ sahabat/ menggunakan kad kredit

**H7** – Jika di amalkan trend ini, hutang atau pinjaman akan makin bertambah setiap bulan

**H8** – Tabungan En. Fatah Amin akan berkurang atau sifar

**H9** – Perbelanjaan yang berlebihan akan mewujudkan lebih permintaan/ meningkatkan inflasi

**H10** – Mana – mana jawapan yang munasabah/ sesuai

**Aras 3 (6 – 8 markah) : [Aras 1 + Aras 2 + 3 Kesan secara tidak langsung – jawapan terbuka]**

**H11** – Keadaan ini mungkin membawa kepada kemuflihan bagi individu tersebut jika pinjaman bank/kad kredit tidak dapat dilangsaikan

**H12** – Pinjaman yang makin bertambah menyebabkan masalah hubungan kekeluargaan dalam rumah tangga/ pergaduhan/ perceraian/ kes jenayah/ masalah emosi/ produktiviti buruh terjejas/ dan mana-mana jawapan yang berkaitan.

**H13** – Bila tabungan berkurang atau sifar, keadaan ini akan mengurangkan keupayaan pelaburan pada masa depan/ akan mengurangkan keupayaan institusi kewangan memberi pinjaman/ taraf hidup masyarakat jatuh.

**H14** – Inflasi menyebabkan tingkat harga barang meningkat dimana kuasa beli masyarakat akan jatuh seterusnya taraf hidup jatuh.

**H15** – Mana – mana jawapan yang munasabah/sesuai

- b. Bincangkan bagaimana trend tersebut boleh diperbetulkan supaya pendapatan melebihi perbelanjaan individu?

[12 markah]

**Aras 1 (1 – 2 markah) : [Pengenalan/ definisi belanjawan peribadi]**

**H1** – Individu atau generasi Y perlu membelanja dengan berjimat cermat

**H2** – Individu atau generasi Y perlu merancang/meyediakan belanjawan peribadi terlebih dahulu sebelum melakukan perbelanjaan.

**H2a** – Belanjawan peribadi ialah anggaran perbelanjaan berdasarkan anggaran pendapatan boleh guna seseorang individu untuk tempoh tertentu seperti satu bulan.

**Aras 2 ( 3 – 6 markah) : [Aras 1 + Langkah-langkah belanjawan peribadi]**

**H3** – mengenalpasti punca pendapatan dan potongan wajib

**H4** – mencatat semua perbelanjaan yang hendak dilakukan dalam satu jangka masa tertentu

**H5** – menyusun perbelanjaan mengikut keutamaan dimana yang sangat penting didahulukan dan yang kurang penting ditangguhkan pembeliannya.

**H6** – Mengimbangkan anggaran pendapatan boleh guna dengan perbelanjaan untuk mengelak berhutang.

**H7** – mencatat tabungan

**Aras 3 ( 7 – 9 markah) : [Aras 1 + Aras 2 + penyata/jadual belanjawan peribadi + huraian]**

**H8** – Tunjukkan penyata/jadual belanjawan peribadi seperti contoh di bawah:

| Butir                               | RM    | RM           |
|-------------------------------------|-------|--------------|
| <b><u>Punca pendapatan:</u></b>     |       |              |
| Gaji                                | 3 000 |              |
| Dividen                             | 200   |              |
| <b>Jumlah Pendapatan</b>            |       | <b>3 200</b> |
| Tolak: Potongan wajib               |       |              |
| Cukai pendapatan                    | 100   |              |
| Zakat                               | 80    |              |
| Caruman KWSP                        | 120   |              |
| Jumlah potongan wajib               |       | 300          |
| <b>Jumlah pendapatan boleh guna</b> |       | <b>2 900</b> |
| <b><u>Tolak Perbelanjaan:</u></b>   |       |              |
| Makanan dan minuman                 | 700   |              |
| Sewa rumah                          | 500   |              |
| Ansuran pinjaman kereta             | 500   |              |
| Belanja minyak petrol               | 300   |              |
| Tol                                 | 100   |              |
| Belanja utiliti                     | 200   |              |
| Hiburan                             | 200   |              |
| Jumlah Perbelanjaan                 |       | <b>2 500</b> |
| <b>Baki pendapatan/tabungan</b>     |       | <b>400</b>   |

Berdasarkan jadual di atas, individu tersebut dapat membuat tabungan sebanyak RM200 sebulan. Menunjukkan perbelanjaan kurang daripada pendapatan

**Aras 4 ( 10 – 12 markah) : [Aras 1 + Aras 2 + Aras 3 + kesan daripada belanwan peribadi yang baik]**

**H9** – Tabungan yang ada, dapat di simpan di dalam bank perdagangan untuk memperolehi faedah / deviden

**H10** – Tabungan yang ada dapat memenuhi cita-cita pada masa akan datang.

**H10a** – seperti pergi haji/umrah/ melancong/ membiayai pendidikan/ membeli barang tahan lama/ kehendak.

**H11** – Tabungan juga untuk tujuan awasan seperti kemalangan/ jatuh sakit

**H12** – Belanjawan yang baik dapat mengelakkan kenaikan harga barang/inflasi

**H13** – Seterusnya dapat mengelak berhutang

**H14** – Mana – Mana jawapan yang munasabah/ sesuai.